

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : BAYARAN INSENTIF PERKHIDMATAN KRITIKAL (BIPK)</b>	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 1/8

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Maklumat Yang Perlu Disemak</b>	<b>Rujukan</b>
	Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal	<p>Kerajaan telah memperkenalkan Perkhidmatan Kritikal semasa pelaksanaan Sistem Saraan Baru pada 1 Januari 1992 kerana menyedari bahawa Negara menghadapi kekurangan bekalan tenaga manusia dalam perkhidmatan tertentu. Keadaan tersebut boleh menjejaskan kemajuan pelaksanaan program-program pembangunan yang diberi keutamaan dari segi dasar dan strategi pembangunan negara.</p> <p>Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal adalah diberi kepada skim-skim perkhidmatan yang ditetapkan seperti berikut.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pegawai Kawalan Trafik Udara</li> <li>2. Pembantu Perubatan</li> <li>3. Pembantu Teknik Kapal Terbang</li> <li>4. Penerbit Rancangan</li> <li>5. Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara</li> <li>6. Arkitek</li> <li>7. Arkitek Laut</li> <li>8. Jururawat</li> <li>9. Jurutera</li> <li>10. Jurutera Laut</li> <li>11. Juruterbang/ Pemeriksaan Juruterbang</li> <li>12. Juruukur Bahan</li> <li>13. Malim</li> <li>14. Pegawai Ehwal Ekonomi (di MIDA)</li> </ol>	Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17 Tahun 2007

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : BAYARAN INSENTIF PERKHIDMATAN KRITIKAL (BIPK)</b>	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 2/8

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Maklumat Yang Perlu Disemak</b>	<b>Rujukan</b>
	Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal	15. Pegawai Farmasi 16. Pegawai Laut 17. Pegawai Penyelidikan 18. Pegawai Pergigian 19. Pegawai Perikanan (kejuruteraan) 20. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma(kejuruteraan) 21. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (Kejuruteraan) 22. Pegawai Pertanian (kejuruteraan) 23. Pegawai Pertanian (Kejuruteraan) 24. Pegawai Perubatan 25. Pegawai Undang-undang 26. Pembantu Pegawai Latihan Vokasional 27. Penolong Pegawai Latihan Vokasional/ Pegawai Latihan Vokasional 28. Pemeriksa Kapal Terbang 29. Pemeriksa Kilang Dan Jentera 30. Pengajar (kejururawatan) 31. Penjaga Jentera Elektrik 32. Penolong Jurutera Laut 33. Penolong Pegawai Laut	

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : BAYARAN INSENTIF PERKHIDMATAN KRITIKAL (BIPK)</b>	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 3/8

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Maklumat Yang Perlu Disemak</b>	<b>Rujukan</b>
	<p>Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.</p>	<p>34. Penolong Pemeriksaan Kilang Dan Jentera</p> <p>35. Pensyarah Perubatan</p> <p>36. Pensyarah Pergigian</p> <p>37. Pensyarah UiTM (kejuruteraan, perundangan, kejururawatan, ukur bahan, seni bina dan farmasi).</p> <p>38. Pensyarah Universiti (kejuruteraan, perundangan kejururawatan, ukur bahan, seni bina dan farmasi).</p> <p><b>INSENTIF PERKHIDMATAN KRITIKAL</b></p> <p>Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal diberi kepada skim-skim perkhidmatan yang ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal sepertimana di atas.</p> <p>Tahap kritikalnya sesuatu perkhidmatan akan berubah mengikut keadaan atau keperluan semasa. Oleh itu, Perkhidmatan Kritikal akan dikaji semula setiap lima tahun sama ada bagi mengekal atau menarik balik pemberian Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal berdasarkan kepada empat kriteria yang berikut:</p> <p style="margin-left: 40px;">a. Peranan dan sumbangan perkhidmatan ke arah pertumbuhan dan perkembangan ekonomi Negara berdasarkan bidang- bidang yang telah diberi keutamaan di bawah rancangan-rancangan pembangunan negara;</p>	

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : BAYARAN INSENTIF PERKHIDMATAN KRITIKAL (BIPK)</b>	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 4/8

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Maklumat Yang Perlu Disemak</b>	<b>Rujukan</b>
	<p>Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.</p>	<p>b. Kedudukan persaingan dalam pasaran buruh bagi tenaga terlatih yang diperlukan, meliputi pertimbangan ke atas faktor-faktor seperti kedudukan penawaran dan permintaan, kadar pusing ganti dan kadar saraan di pasaran bagi kategori tenaga kerja berkenaan ;</p> <p>c. Kelayakan dan kebolehan yang perlu ada perkhidmatan iaitu daripada segi kelayakan dan latihan, pengalaman, kepakaran, kemahiran dan bakat ; dan</p> <p>d. Keadaan persekitaran tempat kerja yang dilihat daripada segi kesan-kesan kepada kesihatan, pendedahan kepada risiko-risiko kemalangan dan sistem waktu kerja yang digunakan.</p> <p><b>PEGAWAI</b></p> <p>Seorang pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri termasuk yang dilantik secara sementara atau sangkut.</p>	

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : BAYARAN INSENTIF PERKHIDMATAN KRITIKAL (BIPK)</b>	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 5/8

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Maklumat Yang Perlu Disemak</b>	<b>Rujukan</b>
	Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.	<p><b>PEGAWAI YANG LAYAK :</b></p> <p>Mempunyai kelayakan/kelulusan yang disyaratkan dalam skim-skim seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perkhidmatan yang telah ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal;</li> <li>ii. Dilantik sebagai pegawai tetap / sementara/kontrak (pegawai kontrak dari dalam dan luar negara) dalam perkhidmatan – perkhidmatan yang telah ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal;</li> <li>iii. Berada dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Sokongan;</li> <li>iv. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (kejuruteraan) dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (kejuruteraan) yang mengajar di sekolah menengah perlu memenuhi syarat peruntukan waktu minimum mengajar sekurang-kurangnya mengajar 15 waktu seminggu untuk melayakkan diberi Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.</li> </ul>	

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : BAYARAN INSENTIF PERKHIDMATAN KRITIKAL (BIPK)</b>	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 6/8

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Maklumat Yang Perlu Disemak</b>	<b>Rujukan</b>
	Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.	<p>v. Bagi skim perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah UiTM, Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian, bidang-bidang yang layak mendapat taraf kritikal ditentukan berasaskan kepada kelayakan yang diperolehi pegawai berkenaan pada peringkat sarjana/doktor falsafah (Ph.D) dan bukannya pada peringkat ijazah pertama. Walau bagaimanapun, bagi skim perkhidmatan Pensyarah UiTM yang memperuntukkan gred lantikan pada DM 41, bidang-bidang yang layak mendapat taraf kritikal ditentukan berasaskan kepada kelayakan yang diperolehi pegawai berkenaan pada peringkat ijazah sarjana muda.</p> <p><b>KADAR</b></p> <p>Kadar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal adalah seperti berikut;-</p> <p>i. <b>5%</b> daripada gaji pokok sebulan untuk Kumpulan Pengurusan dan Profesional kecuali bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pegawai Farmasi, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian, Pensyarah Universiti (farmasi) adalah RM750.00 sebulan tanpa mengikut gred.</p> <p>ii. <b>10%</b> daripada gaji pokok sebulan untuk Kumpulan Sokongan kecuali bagi jururawat dalam Kumpulan Sokongan adalah 15% daripada gaji pokok sebulan.</p>	

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : BAYARAN INSENTIF PERKHIDMATAN KRITIKAL (BIPK)</b>	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 7/8

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Maklumat Yang Perlu Disemak</b>	<b>Rujukan</b>
	Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.	<p>iii. <b>10%</b> daripada gaji pokok sebulan secara khas untuk penyandang kepada jururawat dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang terlibat dalam pelaksanaan opsyen tukar lantik ke skim perkhidmatan jururawat bersepadu.</p> <p>iv. <b>10%</b> daripada gaji pokok sebulan secara Khas untuk penyandang kepada jururawat yang terlibat dalam pelaksanaan opsyen tukar lantik ke skim perkhidmatan pengajar (kejururawatan)</p> <p><b>PEGAWAI TIDAK LAYAK:</b></p> <p>Bayaran BIPK hendaklah diberhentikan kepada pegawai apabila berada di dalam keadaan seperti seperti berikut:</p> <p>5.1 Bayaran diberhentikan mengikut tempoh cuti bagi pegawai yang mengambil:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>5.1.1 Cuti tanpa gaji</li> <li>5.1.2 Cuti belajar tanpa gaji</li> <li>5.1.3 Cuti separuh gaji</li> <li>5.1.4 Cuti belajar separuh gaji</li> <li>5.1.5 Cuti belajar bergaji penuh kerana berkursus melebihi tiga (3) bulan</li> <li>5.1.6 Cuti rehat yang melebihi 28 hari berturut-turut</li> <li>5.1.7 Cuti haji yang melebihi 28 hari berturut-turut.</li> <li>5.1.8 Cuti sakit yang melebihi 28 hari berturut-turut</li> <li>5.1.9 Cuti bersalin dan</li> <li>5.1.10 Kombinasi mana-mana jenis cuti di perenggan 5.1.6, 5.1.7, 5.1.8 dan 5.1.9 di atas melebihi 28 hari berturut-turut.</li> </ul>	

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : BAYARAN INSENTIF PERKHIDMATAN KRITIKAL (BIPK)</b>	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 8/8

	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
	Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.	<p>2.0 Bayaran diberhentikan bagi tempoh pemangkuan pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Professional yang memangku Gred Utama/ Gred Khas.</p> <p>3.0 Pastikan Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8) diterima dan Penyata perubahan gaji SG20 disediakan.</p> <p>4.0 Semak tarikh mula dan kadar bayaran adalah teratur mengikut pekeliling yang berkuatkuasa.</p> <p>5.0 Kunci masuk data perubahan gaji ke dalam Sistem iGFMS (HRPAY).</p> <p>6.0 Semak sama ada kod objek yang dipertanggungjawabkan adalah menggunakan kod objek sebagai <b>B0112107</b> (Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal) atau kod gaji 1500.</p>	Surat Pekeliling Akauntan Negara Bilangan 10 Tahun 2017 - Carta Akaun Asas Akruan



KKP 273095

(Kew. 8 - Mo, 10/96)

KERAJAAN MALAYSIA  
PENYATA PERUBAHAN MENGENAI PENDAPATAN SESEORANG PEGAWAI

Akauntans Negara MALAYSIA  
Bendahari Negeri  
Akauntan Perbendaharaan  
Pembantu Kewangan  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Malaysia  
P.U.P. Pusat Sumber Maklumat, Bahagian Khidmat Pengurusan  
L.L. Dr. Faizul Nizam bin Abu Salim  
Bahagian Perkembangan Perubatan

Perubahan berikut telah diumumkan. Sila bayar pegawai yang berkenaan seperti berikut:

Nama Pegawai: FAIZUL NIZAM BIN ABU SALIM (B21030028481)  
Jawatan: Pegawai Perubatan UD43  
Nombor Gaji Berkecualan: 20295131

Bulir-bulir Perubahan	Tarikh	Gaji Bulanan	Catatan	No. Surat Kebenaran
Melapor diri setelah tamat tempoh Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Hadiah Lailhan Persekutuan dan telah menamatkan pengajian dengan jayanya Kursus Master in International Health Services & Hospital Management di London South Bank University, United Kingdom dan ditempatkan semula di Bahagian Perkembangan Perubatan, Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia berkuat kuasa mulai 29.02.2016.	29/02/2016	RM 5,300.00	Gaji Pokok	(8)dim.KKM510-4/5/2/13093 bertarikh 29.02.2016
	TARIKH 28/02/2016	P/TERIMA RM 300.00	T/TERIMA BSN: RM 0.00	
	29/02/2016	RM 750.00	S/PIK: RM 0.00	
ITP : RM 700.00 ITK : RM 850.00				

Tarikh

HODORAHMAN BUDI MAHSUD  
10/03/2016

RUZANA BINTI RAMUDIN  
Pembantu Tadbir (tinggi) (PSM) 1  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
b.p. Ketua Pegawai  
Kementerian Kesihatan Malaysia

CHE DAH BINTI YAHAYA  
Pembantu Tadbir (tinggi) (PSM) 1  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
b.p. Ketua Pegawai  
Kementerian Kesihatan Malaysia

1. Semua perubahan mengenai pendapatan seseorang pegawai hendaklah dinyatakan dalam borang ini. Perubahan-perubahan yang berkaitan adalah seperti berikut:

Jawatan

- Perantikan baru/jawatan tetap
- Penghasilan dalam jawatan
- Dimasukkani ke dalam perjawatan berpecah
- Memangku
- Naik Pangkat
- Meningkatkan sekatan ketelapasan
- Perubahan
- Purujumlah/perubahan Sementara
- Gantung Kerja
- Turun Pangkat
- Buang Kerja
- Melantik Jawatan
- Perubahan Semula
- Meninggi Duit
- Perubahan sementara/kontrak
- Tamat perkhidmatan sementara/borok

Gaji

- Seperuh Gaji
- Tempa Gaji
- Cuti sakit/seperuh gaji
- Atau tempa gaji


Bertara

Gaji

- Kenaikan gaji ditahan
- Kenaikan gaji ditanggung
- Turun gaji

Elmas-Elmas

Semua Jenis Elagi



3/10/2016  
11:54:45 AM

2. Satu salinan penyata ini hendaklah dihantar kepada PUSAT SUMBER MAKI.UMAT, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN, JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA dengan mengia butir-butir berkenaan dalam borang PR. JPA 1 (Pin. 1/96) di sebelah belakang penyata ini. Badan-badan Berkanun/Peguaas Tempatan yang tidak menggunakan Laporan Penyata Perubahan (Kew. 8) untuk membenarkan sebarang pembayaran hanya dikehendaki menghantar satu salinan Laporan Penyata Perubahan PR. JPA 2 (Pin 1/96) ke Pusat Sumber Maklumat, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan tidak perlu menghantar kepada Akauntans Negara, Bendahari Negeri, Akauntan Perbendaharaan atau Pembantu Kewangan.

KERAJAAN MALAYSIA

PENYATA PERUBATAN MENGENAI PENDAPATAN SESEORANG PEGAWAI

Akauntan Negara MALAYSIA

Bendahari Negeri

Akauntan Perbendaharaan

Pembantu Kewangan

Ketua Pusat Perkhidmatan Awam, Malaysia

Tn. OZDIANALIFAH BINTI OMAR

e

(C.P. Pusat Sumber Maklumat, Bahagian Khidmat Pengurusan)

Bahagian Perkembangan Perubatan

Perubahan berikut telah dilaksanakan. Sila bayar pegawai yang berkenaan seperti berikut

Nama Pegawai: OZDIANALIFAH BINTI OMAR (881105105464)  
 Jawatan: Pegawai Perubatan UD44  
 Nombor Gaji Berkecuali: 204D4868

Butir-butir Perubahan	Tarikh	Gaji Bulanan	Catatan	No. Sumit Kebenaran
Dikuatkuhi Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIIPK) kerana Cuti Bersalin selama 90 hari mulai 11.04.2016 hingga 09.07.2016.	11/04/2016	RM 3,827.88	Gaji Pokok	KKM.800-3/3/29/12 bertarikh 09.06.2016
	TARIKH 11/04/2016 hingga 09/07/2016	P/TERIMA RM 0.00	T/TERIMA BIIPK: RM 780.00	

Tarikh: 16 MAY 2016  
 MOGDIRA NIDAN BINTI MAHBUR  
 12042016

FRUZANA BINTI RAMUDDIN  
 Pembantu Tadris Peng/ (PSM) 1  
 Bahagian Khidmat Pengurusan  
 b.p. Kementerian Kesihatan  
 Kementerian Kesihatan Malaysia

YONG YIT HONG  
 Penolong Setiausaha Keruan (PSM)  
 Bahagian Khidmat Pengurusan  
 b.p. Ketua Setiausaha  
 KEMENTERIAN PERUBATAN MALAYSIA  
 Cap Rasmi Jabatan

1. Semua perubahan mengenai pendapatan seseorang pegawai hendaklah dinyatakan dalam borang ini. Perubahan-perubahan yang berkaitan adalah seperti berikut:

Jawatan  
 Pertantikan baru/jawatan tetap  
 Pengezaan dalam jawatan  
 Dimajukan ke dalam perjawatan berpencen  
 Idemangku  
 Naik Pangkat  
 Melewatkan alakan & cecukan  
 Perubatan  
 Pinjaman/pertukaran Semovans  
 Gantung Kerja  
 Tunas Pengkat  
 Ruang Kerja  
 Melatak Perawatan  
 Perbaikan Semula  
 Meninggalkan Dunas  
 Perbaikan sesemasa/kontrak  
 Tamat perkhidmatan sementara/kontrak

Cuti  
 Separuh Gaji  
 Tempa Gaji  
 Cuti sakit separuh gaji  
 Atau tempa gaji  
 Bermana  
 Gaji  
 Kembalikan gaji ditahan  
 Kembalikan gaji ditangguhkan  
 Tunas gaji

Efanan-efanan  
 Semua Jenis Elaun



5/12/2018  
 12:27:18 PM

2. Satu salinan penyata ini hendaklah dihantar kepada PUSAT SUMBER MAKLUMAT, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN, JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA dengan mengisi butir-butir berkenaan dalam borang PR JPA 2 (Pin. 1/96) di sebelah belakang penyata ini. Badan-badan Berkanun/Penguasa Tempatan yang tidak menggunakan Laporan Penyata Perubahan (Kew. 8) untuk membenarkan sebarang pembayaran hanya dikehendaki menghantar satu salinan Laporan Penyata Perubahan PR JPA 2 (Pin. 1/96) ke Pusat Sumber Maklumat, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan tidak perlu menghantar kepada Akauntan negara, Bendahari Negeri, Akauntan Perbendaharaan atau Pembantu Kewangan.